

JOM DAFTAR!
DAPATKAN VAKSIN ANDA

PENANG LAWAN COVID-19

1 - 15 JUN, 2021

PENANG 2030

# BULETIN MUTIARA

PERCUMA

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Elak vandalisme hutan



ANTARA perlakuan vandalisme terhadap flora-flora di kawasan Hutan Simpanan Kekal laluan ke Bukit Bendera.

MUHAMMAD Ezhar Yusuf.

**SEJAK** tercetusnya pandemik COVID-19 di negara ini, norma kehidupan rakyat berubah 360 darjah apabila kita semua perlu menjadikan normal baharu sebagai amalan harian. Malah, ia juga memberi impak terhadap ekonomi, sosioekonomi rakyat, keselamatan serta kesihatan awam.

Bertitik-tolak daripada detik tersebut, rakyat khasnya mereka yang menitikberatkan keseimbangan kesihatan mental dan fizikal cuba mencari 'jalan keluar' sama ada dengan memulakan aktiviti kecergasan baharu atau meneruskan minat sedia ada.

Aktiviti rekreasi seperti berbasikal, mendaki dan meneroka kawasan hutan menjadi begitu popular sehingga menyebabkan kawasan 'simpan' semula jadi mulai terancam.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurufoto **DARWINA MOHD. DAUD** baru-baru ini menemui Pengarah Perhutanan Negeri Pulau Pinang, **MUHAMMAD EZHAR YUSUF** bagi mendapatkan pandangan beliau berhubung aktiviti rekreasi di kawasan hutan simpan yang sering dikaitkan dengan perilaku vandalisme.

Menurut Muhammad Ezhar, pihak Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang sering berhubung rapat dengan Kerajaan Negeri mahupun agensi berkaitan dalam usaha meningkatkan kesedaran umum mengenai tanggungjawab ketika menyertai atau menikmati aktiviti rekreasi di kawasan yang dipelihara atau 'simpan'.

Terbaru, pihaknya berkolaborasi dengan persatuan-persatuan pendaki bagi mendapatkan input serta pandangan ke arah menjayakan usaha tersebut. Hal ini adalah kerana timbul pemasalahan yang mana para pelawat atau penggiat sukan pendakian cenderung meninggalkan penanda dan pandu arah sama ada menggunakan plastik, semburan cat pada tumbuh-tumbuhan ataupun menoreh pokok.

"Perkara ini, telahpun dibawa ke Putrajaya dan mereka telah bersetuju dengan cadangan agar semua jurupandu arah (alam semula jadi) di negeri ini dikehendaki menghadiri kursus sebagai pendedahan sebelum ditauliahkan sebagai jurupandu arah.

"(Dan) melalui kursus ini akan diterangkan mengenai tanggungjawab sebagai jurupandu arah, bagaimana hendak menyampaikan maklumat kepada pelawat dan sebagainya.

"Setelah selesai, maka pihak Jabatan Perhutanan akan mengeluarkan sijil pentauliah bahawa mereka ini ialah jurupandu arah yang telah dilantik," ujarnya yang turut menjangkakan penglibatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dalam aspek keselamatan dan ilmu asas perhutanan.

*(Sambungan di muka 2).*

*(Sambungan dari muka 1).*

# Kekalkan kawasan ekopelancongan hijau

Tambah Muhammad Ezhar, usaha membendung perilaku vandalisme sebenarnya bukan baharu dan tidak pernah terhenti.

"Pihak kami sentiasa memantau.

"Selain itu, banyak program kesedaran dan pendidikan serta pemasangan papan tanda pemberitahuan turut dipasang sebagai langkah menjaga persekitaran semula jadi.

"Mungkin informasi tersebut tidak sampai kepada umum sebab itu berlakunya perlakuan vandalisme terutama di kawasan pendakian di hutan simpan kekal di negeri ini.

"Sebagai contoh di Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam baru-baru ini, ada kes pencerobohan haram selain menemui laluan baharu yang tidak dibenarkan.

"Perlakuan seperti ini bukan sahaja membahayakan pelawat tetapi juga memberi impak terhadap flora dan fauna.

"Nasihat saya, elakkan perkara-perkara macam ini (perilaku vandalisme), ikutlah laluan yang disahkan sahaja, jangan rentas jalan atau denai sendiri kerana ia membawa kepada perilaku vandalisme seperti paku di pokok, penanda menggunakan plastik, semburan cat dan sebagainya," katanya yang berharap agar orang awam sentiasa menjaga perilaku serta menjadi lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar.

Mengulas mengenai saranan yang disuarakan oleh Exco Alam Sekitar dan Kebajikan, **PHEE BOON POH** melalui kenyataan media bertarikh 2 Mac 2021, Muhammad Ezhar mengakui bahawa terdapat segelintir pelawat yang tidak bertanggungjawab melakukan pencemaran dan vandalisme di kawasan rekreasi semula jadi.

"Pihak kami akan terus memantau dan menggiatkan usaha dalam memastikan Pulau Pinang kekal sebagai kawasan ekopelancongan yang segar dan menghijau," katanya.

Terdahulu, dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh Boon Poh, sebanyak 11 peraturan dijelaskan bagi melindungi keindahan semula jadi yang terdapat di kawasan hutan-hutan simpan dan sungai.



**PHEE Boon Poh.**

Antaranya, larangan membuang sampah-sarap yang mana jika ingkar boleh dikenakan denda sebanyak RM2,000; larangan menceroboh harta persendirian; tidak menggunakan sebarang cat atau semburan cat, plastik atau tanda kekal lain; penanda yang digunakan dalam sebarang acara khas atau aktiviti perlu dibuang dalam tempoh 24 jam selepasnya.

Selain itu, tiada pembakaran dilakukan; aktiviti berkhemah hanya di kawasan ditetapkan; larangan membuka laluan baharu tanpa kebenaran pihak berwajib dan sebarang perbuatan merosakkan pokok, batu atau aktiviti yang boleh membahayakan flora dan fauna seperti memburu juga tidak dibenarkan.

Sekiranya pelawat melihat ada pokok yang ditebang atau dibakar, mereka perlu melaporkannya kepada pihak berwajib.



**ANTARA perlakuan vandalisme terhadap flora-flora yang dipercayai sebagai tanda pandu arah di kawasan Hutan Simpanan Kekal laluan ke Bukit Bendera.**



**SAMPAH-sarap yang menyebabkan pencemaran kawasan hutan.**




Oleh: **AZMI HUSSIN**

# Sumbangan Aidilfitri hargai PDRM dan ATM

**GEORGE TOWN -** Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan tradisi sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang komited menjaga keamanan negeri ini.

Sumbangan masing-masing bernilai RM10,000 tersebut disampaikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow kepada Ketua Polis Kontinjen Pulau Pinang, Datuk Sahabudin Abdul Manan dan Panglima Briged Keenam Infantri, Brigedier Jeneral Khairul Anuar Abd. Aziz.

"Terima kasih diucapkan kepada Datuk Sahabudin dan Brigedier Jeneral Khairul Anuar kerana sudi hadir menerima sumbangan ini," ujarnya sejurus menyerahkan sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

Mengulas mengenai sumbangan tersebut, Khairul Anuar berkata bahawa ia sedikit-sebanyak memberi motivasi kepada para anggota ATM.

"Pertama sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri, selain motivasi, diharap ia mampu ringankan sedikit beban pasukan terutamanya yang terlibat dalam Ops Penawar," maklumnya kepada Buletin Mutiara.

Sahabudin dalam pada itu menyifatkan bahawa beliau bertuah berada di Pulau Pinang yang mana Kerajaan Negeri sentiasa bersedia membantu dan bersama-sama pasukan PDRM dalam apa jua keadaan terutamanya bagi menghadapi pandemik COVID-19 kini.

"Malah, berhubung sumbangan Aidilfitri, saya tahu ini bukan pertama kali ia disumbangkan dan memang rasa bertuah berada di Pulau Pinang bawah kepimpinan Y.A.B. Chow (Kon Yeow)," ulasnya.




**KETUA Menteri merakam gambar kenangan bersama-sama Sahabudin Abdul Manan (kanan) dan Khairul Anuar Abdul Aziz (kiri) sejurus majlis penyampaian di sini baru-baru ini.**

# Tender RTB Sungai Pinang jangka keluar suku ketiga

Gambar : **LAW SUUN TING**

**DATUK KERAMAT –** Kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan dan Jalan P. Ramlee bagi mengatasi risiko banjir membabitkan kawasan berkaitan dijangka siap pada Ogos ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang mahu mencari penyelesaian bagi mengatasi dilema tersebut di kawasan yang telah bertahun-tahun terkenal dengan bencana berkaitan acap kali hujan.

"Selama bertahun-tahun, Jalan P. Ramlee cukup terkenal dengan kejadian banjir kerana ia merupakan dataran yang rendah di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Datuk Keramat.

"(Dan) sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin, kita (Kerajaan Negeri) mencari penyelesaian melalui kerjasama dengan pelbagai agensi termasuk pihak Persekutuan," ujarnya sejurus lawatan tapak projek di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Abdullah Munshi dekat sini 30 April lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Pengarah Kejuruteraan Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. A. Rajendran; Penolong Pengarah Kanan (Pengurusan Banjir) Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, G. Yogendren dan Jurutera Daerah (Timur Laut), Zamri Uzni.

Difahamkan, projek naik taraf tersebut telah dimulakan pada Ogos tahun lalu dan dijangka memakan masa selama 12 bulan untuk disiapkan membabitkan kos sebanyak RM3.62 juta dengan ditanggung sepenuhnya oleh MBPP.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa setakat ini, kerja-kerja menaik taraf sistem saliran dan perparitan telah selesai dan semuanya adalah mengikut jadual.



**(Dari kiri), R.S.N. Rayer, Ong Ah Teong, Lim Siew Khim dan Jagdeep Singh Deo pada sesi lawatan tapak projek naik taraf sistem saliran Jalan P. Ramlee di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN struktur konkrit projek.**

"Cuma tinggal kerja-kerja menaikkan aras jalan sepanjang 500 meter (m) dari SMK Abdullah Munshi sehingga ke lampu isyarat (Jalan Perak) sedang berjalan, dan tahap pemajuan kini berada pada 55 peratus siap," katanya yang amat berpuas hati dengan tahap pemajuan projek berkaitan.

Dalam pada itu, Jagdeep memaklumkan bahawa tender bagi projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Pinang yang bernilai RM600 juta dijangka akan dikeluarkan pada suku ketiga tahun ini.

"Kerajaan Persekutuan telah meluluskan RM150 juta bagi projek tersebut, dan kerja-kerja fizikal projek dijangka bermula tahun hadapan yang mana kita (Kerajaan Negeri) menjangkakan fasa pertama selesai dalam tempoh empat tahun.

"Saya yakin ia boleh dilaksanakan dan berharap JPS negeri serta Kerajaan Persekutuan dapat bekerjasama mempercepatkan projek RTB ini yang menjadi punca utama banjir di George Town," katanya yang juga ADUN Datuk Keramat.

Dalam pada itu, Rajendran memberitahu bahawa kelebaran parit ditambah menjadi 1.5m dan 2.1m berbanding sebelum ini iaitu antara 0.6m hingga 0.9m.

"Saluran ini akan menyalurkan air dari Jalan P. Ramlee ke Sungai Jelutong dengan bantuan dua unit rumah pam.

"Memandangkan Jalan P. Ramlee adalah kawasan rendah, perparitan di sini perlu berfungsi dengan baik bagi mengalirkan air ke Sungai Jelutong seterusnya Sungai Pinang dan ke laut… itu merupakan pelan asal.

"Nombor dua, kita naikkan paras jalan iaitu sekurang-kurangnya 0.5m," jelasnya.

Selain projek menaik taraf sistem perparitan serta saliran di Jalan P. Ramlee, MBPP juga terlibat dalam projek sama membabitkan beberapa lokasi lain seperti Lebuh Kimberley; Jalan Pintal Tali; Lebuh Cintra dan Jalan Sungai Keluang dekat Bayan Lepas.

# Sambut baik teknologi IBS

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU MAUNG -** Dengan menggunakan teknologi sistem binaan berindustri (IBS), firma pemaju hartanah SlimHaus Technology Sdn. Bhd. (SlimHaus) bakal membina dua jenis rumah teres tiga tingkat iaitu masing-masing berkeluasan 800 kaki persegi dan 1,500 kali persegi di atas sebidang tanah seluas 7.2 ekar di Jalan Pantai Acheh, Balik Pulau.

Berucap pada majlis pelancaran dwi-projek rumah mampu milik (RMM) tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa pentadbirannya berharap lebih banyak lagi syarikat pemaju hartanah berani merebut peluang menceburkan diri dalam teknologi IBS, sebagaimana SlimHaus demi membekalkan RMM 'rendah risiko' di negeri ini.

"Sesungguhnya, Kerajaan Negeri menyambut baik usaha serta inisiatif dimainkan oleh Slimhaus Technology Sdn. Bhd. (SlimHaus) yang bukan sahaja telah menyediakan platform terbaik dalam merevolusikan industri pembinaan, malah turut memberi nilai tambah dan lebih banyak pilihan kepada pelanggan untuk memiliki rumah idaman berkualiti," jelasnya yang



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan dif jemputan merakam gambar kenangan dengan berlatar belakangkan rumah contoh pada Majlis Pelancaran Rumah Contoh RMM Dengan Teknologi IBS di sini baru-baru ini.**

juga Exco Hal Ehwal Tanah & Ekonomi dan Komunikasi dalam Majlis Pelancaran Rumah Contoh RMM Dengan Teknologi IBS di sini pada 8 Mei 2021.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat serta Pengarah SlimHaus, Gerald Chin turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain dan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

Difahamkan, teknologi IBS merupakan evolusi dan masa depan industri pembinaan di negara ini, bermula sejak tahun 1966. Dengan menggunakan fabrikasi konkrit *'pre-cast'*, negara-negara maju seperti Jepun, Korea, China dan rantau Eropah telah mengalami kemajuan teknologi IBS yang pesat berbanding Malaysia.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa tanpa teknologi IBS, bangunan-bangunan yang paling tinggi di dunia tidak mungkin berjaya dibina.

Bercakap dalam sidang media selepas itu, Jagdeep memberitahu bahawa semua RMM yang dibina di Pulau Pinang akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk ditawarkan kepada rakyat yang layak demi mengelakkan pembelian spekulatif dalam sektor hartanah.

"Sepertimana yang saya katakan unit perumahan di bawah harga RM300,000 adalah di bawah kawalan Kerajaan Negeri," ulasnya.

Dalam pada itu, Gerald pula menyatakan bahawa terdapat dua jenis kediaman yang bakal dibina oleh SlimHaus dekat Balik Pulau dan ditawar pada harga jualan antara RM250,000 serta RM395,000.

## Projek Mitigasi Parit 4 kurangkan risiko banjir

**BUKIT TENGAH –** Projek Mitigasi Banjir Parit 4 bernilai RM16 juta yang baharu siap di Bukit Tengah dan Taman Desa Damai bakal mengurangkan risiko banjir kawasan berhampiran dekat sini.

Exco Infrastruktur dan Pengangkutan, Zairil Khir Johari berkata bahawa projek itu merupakan salah satu daripada lapan projek tebatan berimpak tinggi oleh Kerajaan Negeri yang bertujuan mengurangkan risiko banjir membabitkan kawasan penempatan perumahan, komersial dan perindustrian sepanjang 4.7 kilometer (km) jajaran Parit 4 di daerah Seberang Perai Tengah (SPT).



**ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri), Gooi Hsiao-Leung (tiga dari kiri) dan wakil-wakil berkaitan pada sesi lawatan ke rumah pam projek berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Pelaksanaan dan siapnya projek ini akan mengurangkan kira-kira 97.85 peratus keluasan banjir iaitu daripada 5.22km$^2$ kepada 0.11km$^2$.

"Projek ini direka bentuk pada tahap perlindungan banjir 20 ARI *(Average Recurrence Interval)* yang mana sekali gus dapat mengurangkan beban kapasiti takungan di Sungai Juru Borrow Pit sepanjang 4.3km," ujarnya pada sesi lawatan ke rumah pam projek berkaitan di sini 8 Mei lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tengah, Gooi Hsiao-Leung serta wakil Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang.

Difahamkan, antara kawasan *hotspot* banjir yang akan menerima manfaat daripada penyempurnaan projek berkenaan ialah Taman Desa Damai, Taman Belimbing, Taman Jambu Madu dan Taman Jambu Mawar serta perkampungan di Kampung Dock serta Tok Keramat. Ini termasuk pusat komersial dan sektor perindustrian di sekitar Bukit Tengah.

Mengulas lanjut, Zairil yang juga ADUN Tanjung Bunga memaklumkan bahawa Projek Mitigasi Banjir Parit 4 oleh JPS Pulau Pinang itu telah bermula 16 Mac 2018 dan siap sepenuhnya pada 31 Mac 2021.

"Tahniah kepada JPS Pulau Pinang kerana berjaya menyiapkan projek mega ini, dan terima kasih saya ucapkan kepada semua agensi kerajaan atas kerjasama serta bantuan dalam menyempurnakan projek tersebut," ulasnya.

Komponen utama projek ini adalah terdiri daripada pembinaan rumah pam baharu berkapasiti 13.2m3/s, struktur tebatan banjir (berbentuk L) sepanjang 1,270m, pengukuhan tebing Parit 4 *(sheet piles)* sepanjang 168m serta penyelenggaraan jalan di Parit 4 sepanjang 1,270m.




# PSR, peluang pekerjaan untuk anak watan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PPSN**

**PROJEK** Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSR) yang berupaya menjadi *'game changer'* (pembawa perubahan) bagi negeri ini, kini mula menawarkan peluang pekerjaan untuk anak watan, khasnya dalam kalangan nelayan tempatan serta ahli keluarga mereka.

Baru-baru ini, bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) di Permatang Damar Laut, satu sesi temuduga terbuka diadakan dan lebih daripada 100 individu hadir menyerahkan resume, malah ada juga pemohon dari negeri lain yang berbuat demikian melalui e-mel.

Timbalan Pengarah Projek SRS Consortium Sdn. Bhd., **AZMI MOHAMAD** berkata bahawa sesi temuduga terbuka tersebut diadakan selama lima jam bagi mencari calon paling sesuai dengan pekerjaan yang ditawarkan.

"Syarat minimum adalah Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pemohon yang memohon tidak perlu mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan kerana latihan akan disediakan kepada mereka yang berjaya.

"(Dan) melalui latihan itu pula, mereka sama ada memperoleh kemahiran baru atau meluaskan pengetahuan serta pengalaman kerja mereka," ujarnya.

Difahamkan, antara jawatan yang ditawarkan adalah pekerja am, jurumudi, pemantau marin, juruteknik makmal, pengawal keselamatan, penyelia tapak dan lain-lain jawatan berkaitan.

Mengulas lanjut, Azmi memaklumkan bahawa sesi temuduga terbuka itu adalah selaras dengan Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan pembangunan PSR memberi manfaat kepada semua khasnya komuniti nelayan setempat.

"Pihak kami (SRS Consortium Sdn. Bhd.) berharap program ini akan membuka mata orang setempat bahawa projek PSR telah memberi peluang pekerjaan kepada anak watan.

"Apabila projek tersebut dilaksanakan kelak, maka lebih banyak peluang pekerjaan akan ditawarkan seiring dengan keperluan semasa," ulasnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung merangkap Exco Perdagangan & Industri dan Pembangunan Usahawan, Dato' Abdul Halim Hussain antara yang hadir meninjau perjalanan sesi temuduga tersebut.

Sementara itu, bagi **MOHD. YUSOF AWANG DIN**, 62, ketika ditemui memberitahu bahawa beliau mendapat tahu mengenai sesi temuduga terbuka itu melalui rakannya.

"Saya memang sebelum ini pernah terlibat dalam kerja-kerja bahagian laut dan mempunyai lesen membawa bot," katanya yang telah setahun tidak mempunyai pekerjaan dek pandemik COVID-19.

Bagi **NORPUZAWATI A. WAHID** pula, beliau menganggap peluang pekerjaan yang ditawarkan melalui pelaksanaan projek PSR memberi harapan baharu untuknya kembali bekerja setelah berhenti kerja sejak lima tahun lalu bagi menjaga ibunya yang uzur.

"Saya mahu kembali bekerja, jadi saya datang untuk mencuba nasib.

"Saya berharap bolehlah diberikan peluang dengan pengalaman kerja yang saya ada sebelum ini dalam bidang perolehan dan pemasaran," kata wanita berusia 38 itu.



**PEGAWAI bertugas memerhatikan resume salah seorang pemohon pada sesi temuduga dekat PPSN Permatang Damar Laut di sini baru-baru ini.**



**ABDUL Halim Hussain (berdiri) beramah-mesra dengan beberapa individu yang hadir ke PPSN Permatang Damar Laut.**



# Skim Sewa Beli bantu pembeli

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



KETUA Menteri bersama-sama kepimpinan Kerajaan Negeri dan barisan penerima merakam gambar kenangan sejurus Majlis Penyerahan Surat Tawaran dan Kunci Rumah Projek Perumahan Taman Sejahtera Rakyat, Kampung Kepala Gajah di sini baru-baru ini.

**SUNGAI BAKAP -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyifatkan bahawa projek pembangunan Taman Sejahtera Rakyat, Kampung Kepala Gajah, Seberang Perai Selatan (SPS) merupakan peristiwa penting kepada golongan pembeli melalui Skim Sewa Beli (RTO).

Menurut beliau, lebih manis lagi apabila seramai 19 penerima menerima kunci projek berkaitan sebelum sambutan Syawal baru-baru ini.

“Ini turut membuktikan komitmen Kerajaan Negeri dalam menyediakan pembangunan seimbang terutamanya di kawasan Seberang Perai.

“Projek ini pada saya sudah dapat mentransformasikan Kampung Kepala Gajah kepada satu skim perumahan (Taman Sejahtera Rakyat) yang moden dan dilengkapi dengan kemudahan serta infrastruktur.

“Saya percaya ia akan membawa impak besar dalam meningkatkan taraf sosial dan ekonomi penduduk-penduduk di sekitar ini,” ujarnya pada Majlis Penyerahan Surat Tawaran dan Kunci Rumah Projek Perumahan Taman Sejahtera Rakyat, Kampung Kepala Gajah di sini 9 Mei lalu.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Dato’ Dr. Amar Pritpal Abdullah; Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Dato’ Mohd. Bazid Abd. Kahar dan Pengurus Besar Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP), ‘Ainul Fadhilah Samsudi.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memaklumkan bahawa cadangan pembangunan 41 unit rumah teres setingkat perumahan mampu milik Kampung Kepala Gajah itu telah dipersetujui melalui keputusan Pihak Berkuasa Negeri pada 4 Julai 2018.

“Kerajaan Negeri memutuskan Perbadanan Ketua Menteri (CMI) menjadi pemilik tanah dan PDC bertindak sebagai pengurus projek.

"Tahniah kepada PDC yang berjaya menyelesaikan pelbagai isu sebelum ini sehingga akhirnya menunaikan komitmen menyerahkan kembali kepada CMI dan seterusnya LPNPP membuat tawaran kepada pemohon-pemohon layak,” jelasnya yang juga Exco Pembangunan Tanah & Ekonomi dan Komunikasi.

Dalam pada itu, ‘Ainul Fadhilah berkata bahawa 19 penerima kunci pada hari berkaitan merupakan kumpulan pertama yang telah membayar pendahuluan.

“Selepas ini akan ada lagi kumpulan kedua yang sudah kita beri surat tawaran, cuma tunggu pembayaran wang deposit.

“Sememangnya Skim Sewa Beli (RTO) 15 hingga 20 tahun ini amat membantu terutamanya bagi pembeli rumah kos rendah (Jenis A) dan kos sederhana rendah (Jenis B) kerana keuntungan yang diperoleh adalah sangat minimum,” ulasnya.

Melalui RTO, pembeli juga tidak perlu menyediakan 10 peratus seperti pinjaman bank, sebaliknya cuma bayaran ansuran dua tambah satu kepada LPNPP.

## Pelan Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang luaskan capaian telekomunikasi

**PADANG LALANG -** Seramai 500 pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40) dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh menerima sumbangan set peranti pintar dan data internet secara percuma.

Sumbangan tersebut adalah hasil usaha sama antara Pejabat Ahli Parlimen Permatang Pauh dan YTL Corporation Sdn. Bhd. (Yayasan YTL) bagi membantu melicinkan proses Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) dalam tempoh penularan pandemik COVID-19.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow, keprihatinan Ahli Parlimen Permatang Pauh dan pihak Yayasan YTL yang diterjemahkan melalui inisiatif serta kolaborasi tersebut mampu memberi kelegaan kepada para pelajar dalam mendepani cabaran arus pendidikan masa kini.

"Syabas dan tahniah diucapkan kepada Ahli Parlimen Permatang Pauh, YB Nurul Izzah Anwar dan Yayasan YTL atas keprihatinan terhadap cabaran serta isu-isu pendidikan, dan diharapkan usaha ini mampu membuahkan hasil.

"Ini kerana sepertimana yang kita sedia maklum, landskap pendidikan merupakan antara sektor terjejas teruk sepanjang tempoh pandemik COVID-19.

"Suasana normal baharu yang perlu diadaptasi oleh para guru serta pelajar dalam meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran secara atas talian sememangnya cukup mencabar.

"Justeru, keperluan mendesak ini telah membawa Pulau Pinang menjadi antara negeri terawal menubuhkan 'Task Force Program E-pembelajaran' bagi membangunkan sektor pendidikan dalam normal baharu," katanya ketika merasmikan program penyerahan Peranti Pintar dan Data Percuma Learn From Home di sini 8 Mei lalu.

Turut hadir, Exco Agroteknologi Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar serta Pengarah Eksekutif YTL Corporation Berhad, Syed Abdullah Syed Abd Kadir.

Tambah Kon Yeow, sejak program tersebut dilancarkan pada Mei tahun lepas, sebanyak 1,742 unit komputer telah diagihkan kepada pelajar selain 279 telefon pintar bagi memastikan proses pembelajaran di rumah diadakan secara lancar dan teratur.

"Kerajaan Negeri amat bertuah kerana Pulau Pinang sentiasa mendapat sokongan cukup tinggi daripada rakan-rakan industri, termasuk Yayasan YTL yang sentiasa komited dalam memastikan persekitaran kondusif dapat disediakan untuk para pelajar," ulasnya.

Mengulas lanjut, beliau memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga telah merangka Pelan Kesalinghubungan Negeri Pulau Pinang (PCMP) selaras dengan Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) bagi meluaskan lagi capaian telekomunikasi di negeri ini.

"Selain itu, inisiatif ini juga adalah untuk meluaskan capaian internet serta ketersediaan jalur lebar bertaraf 5G yang diusahakan dengan kerjasama semua syarikat penyedia perkhidmatan komunikasi di negara ini.

"Saya percaya dengan perancangan berstruktur dan tersusun antara semua pihak, kita mampu menjayakan program PdPR dalam apa jua cabaran," jelasnya.




SEBAHAGIAN kanak-kanak yang menerima sumbangan pada majlis penyerahan Peranti Pintar dan Data Percuma Learn From Home di sini baru-baru ini.

Nurul Izzah yang turut berucap sebelum itu berkata bahawa penularan pandemik COVID-19 telah memangsakan sistem pendidikan dan pelajar-pelajar di sekolah.

"Oleh itu, kita mengalu-alukan lebih banyak syarikat serta pihak yang mampu menyumbang kepada usaha meningkatkan capaian jaringan komunikasi di negeri ini," katanya.

Mengulas lanjut, Syed Abdullah menjelaskan bahawa Yayasan YTL telah melancarkan program Belajar Dari Rumah yang menawarkan pemberian kad sim percuma dengan data 40gb selama 60 hari kepada pelajar awam di seluruh negara.

"Walau bagaimanapun, kami dapati bahawa data sahaja adalah tidak memadai kerana sebahagian besar pelajar daripada keluarga B40 tidak mempunyai telefon pintar untuk digunakan.

"Justeru, dengan kerjasama YES (anak syarikat Yayasan YTL), kami membuka peluang kepada mereka yang kurang bernasib baik untuk memiliki telefon pintar dengan data percuma selama 12 bulan.

"Selain itu, program Belajar Dari Rumah yang bersifat holistik ini juga menyediakan platform pembelajaran secara percuma menerusi aplikasi *'Frogplay'* yang mengandungi bahan pembelajaran mengikut sukatan pelajaran Kementerian Pendidikan Malaysia daripada tahun satu hingga tingkatan 5," ujarnya.

# Manfaat tempoh PKP, anak muda usahakan penternakan burung puyuh

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**TEMPOH** Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan Kerajaan Persekutuan pada 18 Mac 2020 akibat penularan pandemik COVID-19 pastinya menghadirkan cerita berbeza dalam kehidupan setiap rakyat Malaysia.

Bagi yang kurang bernasib baik, pelaksanaan PKP telah menyebabkan mereka hilang mata pencarian manakala bagi yang berani mencuba, tempoh tersebut semestinya dimanfaatkan dengan sebaik mungkin untuk menghasilkan sumber pendapatan baharu.

**RAHMAT RAIHAN SALLEH**, 24, anak muda yang menggunakan peluang semasa tempoh PKP untuk memulakan perniagaan baru iaitu penternakan burung puyuh secara komersial yang mampu mendatangkan pulangan agak lumayan.

Ketika ditemui Buletin Mutiara dekat Pinang Tunggal baru-baru ini, Rahmat memberitahu bahawa beliau memulakan perniagaan burung puyuh pada akhir Mac 2020 sejurus selepas pelaksanaan PKP.

Menurut beliau, rasa bosan ekoran tidak melakukan sebarang pekerjaan pada tempoh tersebut telah mencetuskan idea untuk beliau memulakan perniagaan penternakan burung puyuh.

"Sebelum ini, saya bekerja di kilang tetapi semasa PKP saya tidak bekerja menyebabkan saya banyak menghabiskan masa di rumah tanpa melakukan apa-apa.

"Jadi, saya cadangkan kepada isteri untuk mencuba penternakan burung puyuh dan apabila dia bersetuju, saya membeli kira-kira 20 ekor anak burung puyuh bersama dedak untuk dibela sebagai permulaan.

"(Dan) bermula dari situ, lama-lama timbul rasa seronok menyebabkan saya mengambil keputusan membina sangkar burung puyuh bersaiz agak besar untuk menjalankan penternakan secara komersial.

"Selepas sangkar siap dibina di perkarangan rumah, saya buat keputusan untuk tambah lagi 400 ekor anak burung puyuh dan seterusnya bertambah menjadi 5,000 ekor kini," ujarnya mesra pada sesi wawancara baru-baru ini.

Rahmat Raihan menyatakan bahawa beliau memulakan perniagaan penternakan puyuh secara komersial dengan bermodalkan lebih RM20,000 yang digunakan untuk menyiapkan sangkar, membeli dan memproses burung puyuh, bekalan dedak serta beberapa kelengkapan lain.

Tambah beliau, walaupun modalnya agak besar tetapi secara umumnya menternak burung puyuh mampu menjana pendapatan lumayan dalam tempoh yang agak singkat.

"Tempoh matang bagi burung puyuh adalah 30 hari, dan ini bermakna dalam masa sebulan sahaja kita sudah boleh mendapatkan hasilnya.

"Pasaran puyuh pula agak luas bukan sahaja di pasar-pasar awam malah ia juga turut menerima tempahan daripada pemborong serta restoran makanan di sekitar negeri Pulau Pinang dan Kedah pada setiap hari," katanya.

Rahmat memberitahu bahawa dalam tempoh sebulan, beliau mampu menjual kira-kira 5,000 ekor burung puyuh dan adakalanya permintaan yang diterima melebihi bekalan yang ada.

"Daging burung puyuh yang siap diproses akan dijual sama ada dalam bentuk daging segar ataupun sejuk beku dengan harga yang ditetapkan adalah antara RM24 hingga RM27 bagi setiap kilogram (kg) mengikut gred iaitu A, B, C dan D.

"Jadi, dalam sebulan saya mampu meraih keuntungan daripada hasil jualan burung puyuh bawah jenama Puyuh Rahmat sejumlah kira-kira RM2,000," ulasnya lanjut.

Justeru, kata Rahmat, beliau dan isteri kini dalam perancangan untuk membina satu lagi sangkar bersaiz besar sebagai usaha untuk menambah bekalan burung puyuh bagi memenuhi permintaan pelanggannya.

"Masalah yang saya hadapi kini adalah kekurangan modal kerana untuk membina sangkar yang sempurna dan menambah bekalan burung puyuh mungkin memerlukan kewangan yang agak besar iaitu kira-kira RM50,000.

"Selain itu, kami juga sedang merancang untuk mempelbagaikan lagi produk burung puyuh seperti serunding puyuh serta puyuh perap, cuma kekangannya kini adalah kekurangan bekalan," ulasnya.

Walau bagaimanapun kata Rahmat, membela burung puyuh bukanlah suatu pekerjaan yang mudah kerana ia memerlukan pemerhatian dan penjagaan rapi.

"Selain modalnya yang agak tinggi, membela burung puyuh juga mempunyai risiko tersendiri antaranya anak burung berumur kurang daripada tiga minggu adalah mudah mati sama ada disebabkan penyakit ataupun dihimpit oleh burung yang lebih besar.

"Namun begitu, sekiranya burung-burung ini sudah besar, penjagaannya menjadi lebih mudah dan tidak memerlukan penjagaan yang teliti lagi.

"Oleh itu, sekiranya saya membeli 2,000 ekor anak burung puyuh tetapi apabila dijual, jumlahnya akan berkurang kira-kira 100 hingga 200 ekor walaupun dijaga dengan berhati-hati," jelasnya.

Mengulas lanjut, Rahmat berkata bahawa peningkatan harga bekalan dedak sejak pelaksanaan PKP turut menjadi cabaran dalam perusahaan penternakan burung puyuh pada masa kini.

"Sekarang ini, untuk bekalan dedak sahaja saya terpaksa mengeluarkan modal lebih RM5,000 sebulan untuk 50 uncang ke atas.

"Tambahan pula, sekarang saya hanya usahakan bersama isteri dan tidak mempunyai tenaga kerja lain. Ini bermakna semua proses bermula dari sembelihan, pembersihan, pembungkusan serta pemasaran dilakukan oleh kami berdua sahaja," jelasnya.

Ditanya mengenai perancangan perniagaan pada masa hadapan, Rahmat memberitahu bahawa beliau kini sedang mempertimbangkan untuk mengusahakan penternakan burung puyuh sepenuh masa.

"Kalau boleh, saya mahu memberikan perhatian sepenuhnya kepada perniagaan ini supaya dapat memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat," ulasnya yang masih lagi berkhidmat di salah sebuah kilang di negeri ini.




**BUNGKUSAN produk burung puyuh sejuk beku yang dipasarkan.**



**RAHMAT Raihan Salleh menabur dedak di dalam sangkar burung puyuh yang dibina di halaman rumahnya.**

# AES, program kebajikan Kerajaan

**BARU-BARU** ini, wartawan Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** dan jurugambar **LAW SUUN TING** berkesempatan menyertai jerayawara Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Tambun, **GOH CHOON AIK** menemui beberapa penerima program bantuan kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Agenda Ekonomi Saksama (AES) di sekitar kawasan Parlimen Nibong Tebal.

Di Jalan Bukit Tambun, Choon Aik menyerahkan pek bantuan makanan kepada **ONG MING KEAT**, 71.

Ming Keat merupakan seorang petani, tinggal bersama-sama sepasang anak lelaki dan perempuan iaitu ONG AH TIN, 40, dan ONG BOON KEE, 37.

Menurut Ming Keat, pendapatannya tidak seberapa dengan menjalankan kerja-kerja kampung, selain anak perempuan yang kerja dengan makan upah harian. Sementara, anak lelaki adalah 'istimewa' dan tinggal di rumah sahaja.

"Saya ambil kerja upah kupas kelapa, ada kerja, adalah upah.

"(Selain itu,) saya ada menanam tebu di (atas sebidang tanah milik pihak bukan kerajaan) dekat belakang rumah.

"Lapan bulan tempoh menuai, baru-baru ini saya baru menjual 300 kilogram (kg) dengan harga serendah 70 sen sekilogram, jadi kira-kira RM200 sahaja pendapatan saya dapat tiap-tiap tiga bulan saya menuai (hasil tanaman).

"Namun, pelaksanaan kali pertama Perintah Kawalan Pergerakan PKP 1.0 (sejak 18 Mac 2020), banyak hasil tanaman rosak dan terpaksa dibuang begitu sahaja kerana pasar malam serta pasar pagi tak buka, tiada peniaga datang membeli (hasil tanaman tebu)," jelasnya di sini.



ONG Ming Keat.

Mengulas sebelum itu, Choon Aik memberitahu bahawa permohonan AES keluarga Ming Keat sampai ke meja pejabat Pusat Khidmat Rakyat ADUN Bukit Tambun semasa PKP 1.0.

"Sebenarnya lebih sedekad keluarga Ming Keat cuba mendapatkan bantuan basmi kemiskinan ini untuk membaiki struktur kediaman mereka yang agak uzur, tetapi tidak dapat dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri kerana tidak memperoleh kebenaran daripada tuan tanah berkaitan.

"Semasa PKP 1.0, kes ini dirujuk kepada saya, dan saya cuba mendapatkan kebenaran tuan tanah berkenaan memandangkan keluarga ini sudah tinggal di sini lebih empat dekad.

"Syarat untuk mendapatkan bantuan AES yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri hari ini juga adalah mudah, antaranya, anggota isi rumah mesti bekerja, tidak kiralah upah harian atau gaji bulanan mesti kurang daripada RM1,000.

"Mereka hanya perlu memohon melalui Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) ataupun datang terus ke pejabat ADUN, permohonan mereka akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Membasmi Kemiskinan Daerah, sebelum diangkat ke Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) untuk tindakan lanjut," ujarnya.

Mengulas lanjut, Choon Aik menyatakan bahawa apabila beliau sendiri melawat rumah saudara Ming Keat, terdapat tiga jenis bantuan dilakukan yang mana Kerajaan Negeri melalui AES membaik pulih struktur binaan bilik, dinding, bumbung serta bina semula bilik air, tandas dan dapur.

"Saya menggunakan peruntukan khas ADUN untuk membuat pemasangan semula kabel elektrik agar lebih selamat, sementara ada seorang individu lain membiayai kos membeli dapur, peti ais, tilam serta kelengkapan-kelengkapan rumah yang lain.

"Kerajaan Negeri ada AES untuk membantu penduduk miskin tegar, termasuk mereka yang tidak ada rumah, akan dibina rumah selesa; yang rumah uzur akan dibaik pulih semula dengan menggunakan peruntukan Jawatankuasa Mesyuarat Tetap Pembangunan Luar Bandar," ulasnya sambil merakamkan penghargaan kepada ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin selaku Exco Agroteknologi & Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan.



GOH Choon Aik (tengah) dan barisan wakil-wakil berkaitan ketika mengadakan lawatan terhadap Mohd. Radi Abu Kassim (dua dari kiri) dan Nazita Mat Tahir (tiga dari kiri) di kediaman baharu mereka yang dibina bawah program bantuan kebajikan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, AES dekat Kampung Chenaam baru-baru ini.

Selepas itu, program jerayawara Choon Aik diteruskan dengan melawat dua penerima AES lain di Kampung Chenaam dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh.

Buletin Mutiara dibawa menemui penerima rumah baharu AES, iaitu **MOHD. RADI ABU KASSIM**, 43, dan **NAZITA MAT TAHIR**, 35, serta tiga anak (13 tahun, 10 tahun dan 7 tahun).

Turut serta jerayawara tersebut adalah Pegawai Penyelaras KADUN Sungai Acheh, Wan Mohd. Kamil Abu Bakar; dua Pegawai Serantanya, Baseri Aziz serta Naraziah Jahaya dan Pengerusi MPKK Sungai Chenaam, Mohd. Azri Mohamed Yusof.

Semasa sesi wawancara, Mohd. Radi merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri hari ini serta Choon Aik selaku 'ADUN Angkat' Sungai Acheh.

"Dahulu, saya menyewa rumah dekat Sungai Setar Kechil (KADUN Sungai Acheh) sebelum berpindah ke Kampung Chenaam di sini.

"Saya kerja sebagai petani dan buat kerja kampung sahaja dengan pendapatan tak tetap... adalah sebulan paling banyak pun RM320, isteri pula ambil upah menjahit barang dari kilang dengan gaji RM200 sebulan.

"Kami mohon rumah bantuan AES ini tak lama, kurang setahun, kami tinggal di rumah tiga bilik ini pada bulan November 2020, sebab patut siap pada April tahun lepas lagi tetapi tertangguh sebab PKP 1.0," katanya sambil merakamkan penghargaan kepada Choon Aik kerana membantu mempercepatkan proses permohonan rumah bantuan AES tersebut.

Bercakap kepada pemberita, Choon Aik menjelaskan bahawa permohonan keluarga Mohd. Radi tidak mengambil masa yang lama kerana mudah mendapat kebenaran daripada tuan tanah iaitu bapa mentuanya sendiri.

Kemudiannya, jerayawara 'ADUN Angkat' Sungai Acheh singgah di rumah **NAZILA HASHIM**, 49, seorang ibu tunggal yang tinggal bersama-sama empat anaknya berusia 27 tahun hingga 16 tahun di Kampung Chenaam juga.



NAZILA Hashim menunjukkan mesin jahit automatik pelbagai fungsi yang diperolehnya.

*(Sambungan di muka 9).*

(Sambungan dari muka 8).

# Negeri bantu penduduk perlu

Menurut Nazila, beliau sejak beberapa penggal pilihan raya yang lepas lagi ada memohon bantuan berwajib di bawah program basmi kemiskinan luar bandar, tetapi dikatakan tidak memenuhi syarat berkaitan.

“Saya mohon bantuan dalam bentuk barangan untuk tujuan perniagaan yang bernilai di bawah harga RM3,000 tetapi tidak dapat.

“Saya mengambil upah menjahit pakaian dan sebagainya sejak daripada ada seorang anak dahulu, sehinggalah ada empat anak sekarang, kira-kira 25 tahun.

“Saya menjadi ibu tunggal baru dua tahun sahaja, apabila permohonan bantuan barangan saya tidak diluluskan di bawah program basmi kemiskinan, YB Goh (Choon Aik) sendiri pada bulan Ogos lepas mengeluarkan peruntukan khasnya untuk membeli mesin jahit automatik dengan pelbagai fungsi.

“Saya begitu terharu dengan sokongan bantuan pelbagai pihak seperti MPKK, Pegawai Penyelaras KADUN, wakil rakyat dan Kerajaan Negeri sendiri,” jelasnya sambil menzahirkan rasa bersyukur kepada Tuhan.

Di samping itu, beliau turut berkongsi cabaran mengambil upah menjahit pakaian sejak PKP 1.0 (2020) hingga musim perayaan Syawal kini.

“Ambil upah menjahit pun untuk orang kampung dan guru-guru sekolah di sekitar kawasan ini sahaja, kalau nak dapat duit lebih pun masa nak sambut musim raya kerana ramai tempah jahit baju raya.

“(Pun begitu,) sejak PKP tahun lepas (2020), pendapatan terjejas dan tidak macam selalu (iaitu) hasil menjahit kira-kira RM600 sebulan pada musim perayaan, kalau bukan musim perayaan, kurang lagi daripada pendapatan itu,” ujarnya.

Mengakhiri jerayawara pada hari berkaitan, Choon Aik membawa wartawan dan jurugambar Buletin Mutiara menyaksikan sendiri aktiviti ekonomi di Jeti Nelayan Tanjung Berembang, Sungai Acheh.

Menurut Choon Aik, di lembangan Sungai Kerian berkaitan, tiap-tiap hari ada lebih 100 sampan berlabuh dekat persisiran pantai.

Namun di sini, menurut beliau, tidak ada kemudahan jeti, pusat memborong serta tempat menyimpan stok hasil tangkapan yang memang diperlukan oleh para nelayan di sini.

“Hanya ada kemudahan jambatan untuk laluan motosikal dan basikal sahaja yang dibina pada tahun 1990-an, sementara aktiviti tangkapan ikan serta udang galah dekat (lembangan) Sungai Kerian di sini adalah sejak lebih 50 tahun lalu lagi.

“Kerana, di sini hanya ada tanah rizab JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran), maka tidak boleh dibina struktur binaan kekal.

“Maka, saya mengeluarkan sejumlah peruntukan untuk meletakkan kontena boleh bergerak di sini untuk para nelayan menyimpan stok hasil tangkapan mereka,” ulasnya sambil memberitahu bahawa hasil tangkapan seperti ikan kembung dan udang galah pelbagai saiz boleh dibeli dengan harga yang sangat berpatutan.

Tambah Choon Aik, sekilogram anak udang galah ‘segar’ ditawarkan pada harga semurah RM30, sementara udang galah besar pelbagai saiz pada harga RM60 sekilogram; ikan kembung pula RM5 sekilogram.

“Sangat berbaloi membeli hasil tangkapan Sungai Kerian di sini, murah dan segar-segar,” selorohnya lagi sambil berharap agar lebih banyak program bantuan membasmi kemiskinan di bawah Kerajaan Negeri disalurkan melalui MMK Pembangunan Luar Bandar ke KADUN Bukit Tambun dan Sungai Acheh kelak.



IKAN dan udang galah segar yang boleh diperoleh di Jeti Nelayan Tanjung Berembang, Sungai Acheh.





RUMAH baharu Ong Ming Keat di Jalan Bukit Tambun.


## SUBSIDI "ONE-OFF" BIL ELEKTRIK KEPADA PENGGIAT INDUSTRI PELANCONGAN

PETACE umumnya prihatin dan amat peka bahawa **beban kewangan** merupakan isu utama kepada penggiat-penggiat industri ini, justeru, kami telah mempercepatkan inisiatif khas ini dengan memperkenalkan bantuan khas dalam tempoh jangka masa **48 jam** selepas pengumuman **PKP 3.0** oleh Perdana Menteri di seluruh negara pada 10 Mei 2021.

**AKAN DISUMBANGKAN KEPADA**
pengusaha-pengusaha perhotelan dan pelancongan, lokasi tarikan pelancongan dan taman tema

**JUMLAH PERUNTUKAN**
RM 1,000,000



**YB Yeoh Soon Hin**
EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Negeri Pulau Pinang

PETACE Penang State EXCO Office for Tourism And Creative Economy
PENANG 2030
PENANG RESPONSIBLE TOURISM

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtar@dappg.org | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 305 4962 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
